

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 NOVEMBER 2016



PELIK...TAN Sri Muhyiddin Yassin (dua dari kanan) dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir tiba-tiba pusing 360 darjah mahukan Anwar Ibrahim dibebaskan dari penjara semasa menghadiri Konvensyen Pakatan Harapan diketuai DAP di Shah Alam semalam. Tindak-tanduk serupa turut diperlihatkan Dr. Mahathir Mohamad yang tampil dengan lencana tertera 'Bebaskan Anwar' di bajunya. Kebencian ketiga-tiga mereka terhadap Anwar sebelum ini dimaklumi rakyat Malaysia.

Pakatan terpaksa cedok idea BN

ANWAR →
UM 13/11/2016

Oleh **ZABRY MOHAMAD,**
ABDUL YAZID ALIAS
dan **FAZRINA AYU RADUIAN**
pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 12 NOV.**

PAKATAN Harapan yang diketuai DAP ternyata masih tercari-cari rentak dan identiti sendiri untuk berdepan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sehinggakan terpaksa meniru pendekatan yang diamalkan oleh Barisan Nasional (BN) sejak dahulu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pakatan pembangkang tersebut yang terdiri daripada DAP, PKR dan PAN perlu menggunakan hanya satu simbol dalam pilihan raya sekiranya mahu menang besar.

“Kita perlu menggunakan ha-

nya satu simbol bagi mewakili pakatan ini. Sekiranya semua parti menggunakan simbol masing-masing, pengundi tidak akan cenderung untuk memilih kita,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa menghadiri Konvensyen Pakatan Harapan 2016 di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Presiden PKR, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden PAN, Mohamad Sabu.

BN yang menggunakan ‘dacing’ sebagai simbol mempunyai beberapa parti komponen di bawahnya iaitu UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan myPPP.

Nama dan lambang yang sama bukan sahaja boleh membuktikan perpaduan yang utuh kepada parti-parti politik, bahkan memudahkan lagi pengundi untuk

membuat pilihan.

Berbeza dengan pembangkang, mereka gagal mencari kata sepakat untuk mempunyai satu nama dan lambang yang boleh digunakan terutama ketika pilihan raya.

Oleh kerana itu, kesepakatan mereka hanya boleh dilihat ketika berdepan pilihan raya, sekali gus menampakkan kerapuhan yang sedia ada dalam gabungan tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menjelaskan, partinya berhasrat menyertai Pakatan Harapan yang diketuai DAP tidak lama lagi.

Menurutnya, tindakan itu akan dilakukan selepas pakatan pembangkang berkenaan didaftarkan sebagai satu parti dan menggunakan simbol yang sama.